

Ruj. Fail : MBSJ.KP.100-6/1/1 Jld.7 ()

**MINIT MESYUARAT PENUH
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
BIL. 9 TAHUN 2025**

Tarikh : 29 September 2025 (Isnin)
Masa : 2.30 petang – 4.30 petang
Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga, Aras 2
Bangunan MBSJ
Kehadiran : Seperti di Lampiran A

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Raja Mohd Ashraf bin Raja Chik, Penolong Pengarah Khidmat Pengurusan.

2.0 TAYANGAN PROGRAM MAJLIS BULAN JULAI 2025

Tayangan video sorotan program dan aktiviti sepanjang bulan September 2025 dipaparkan kepada ahli mesyuarat.

3.0 PERUTUSAN DATUK BANDAR

Datuk Bandar memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini merupakan Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya yang kesembilan bagi tahun 2025. Seterusnya pemakluman mengenai perkara seperti berikut :

- i) Datuk Bandar berkongsi amanat daripada YAB Dato' Menteri Besar Selangor mengenai Kerangka Reformasi Sistem Penyampaian dan Tadbir Urus Negeri Selangor (RSTU). Kerajaan Negeri Selangor melakar sejarah baharu dalam landskap pentadbiran Negeri dengan pelancaran rasmi Kerangka Reformasi Sistem Penyampaian dan Tadbir Urus Negeri Selangor (RSTU) yang disempurnakan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor. RSTU akan menjadi platform utama pelaksanaan dasar Kerajaan Negeri serta penyelarasan kepada dasar Persekutuan.

RSTU bertujuan memperkukuh tadbir urus, mempercepat proses perkhidmatan dan meningkatkan kepercayaan rakyat terhadap sistem Kerajaan Negeri sekaligus memastikan pentadbiran lebih cekap, berimpak serta menyokong pembangunan bandar pintar.

RSTU menyahut Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam (ARPA) dengan memberi tumpuan kepada lapan fokus utama termasuk tadbir urus integriti, reformasi penyampaian, pemecahan budaya silo, penambahbaikan sistem aduan, peningkatan kemahiran penjawat

awam, pemerkasaan akar umbi, pengukuhan agensi daerah serta pemantauan program.

Pendekatan itu bukan sahaja menekankan kelajuan dan kecekapan dalam penyampaian perkhidmatan, malah memastikan kekal selari dengan prinsip tatakelola yang telus dan berintegriti. YAB Dato' Menteri Besar juga menyeru agar prinsip islah iaitu usaha memperbaiki dan menambah baik sistem sedia ada, dijadikan asas dalam perkhidmatan kerajaan bagi mengukuhkan keyakinan rakyat terhadap institusi pentadbiran negeri.

- ii) Seterusnya Datuk Bandar menyampaikan amanat daripada YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara. Semasa ucapan perasmian beliau di Persidangan Penyelidikan Governans Integriti dan Anti Rasuah Peringkat Kebangsaan, Kerajaan telah memperkenalkan lima akta baharu dan beberapa pindaan undang-undang bagi memperkukuh tatakelola sektor awam serta memastikan dana rakyat diuruskan dengan lebih berhemat dan telus, antara yang diperkenalkan ialah :
- Akta Kebertanggungjawaban Fiskal yang berperanan mengawal pengurusan kewangan negara agar bebas daripada ketirisan serta penyelewengan;
 - Pindaan terhadap Akta Audit 1957 yang memberi kuasa tambahan kepada Ketua Audit Negara untuk memastikan perbelanjaan awam diaudit secara menyeluruh dan bertanggungjawab.

- Akta Iltizam Kecekapan Perkhidmatan Kerajaan yang menjadi panduan kepada semua agensi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada rakyat sekaligus menjadikan perkhidmatan awam lebih responsif dan memberikan impak maksimum kepada masyarakat;
- Pindaan terhadap Akta Perlindungan Pemberi Maklumat yang memberi jaminan keselamatan kepada individu yang tampil melaporkan salah laku;
- Akta Perolehan Kerajaan sebagai usaha mengurangkan risiko rasuah dalam proses perolehan dan memastikan sistem lebih telus.

Pelaksanaan undang-undang baharu dan pindaan akta ini akan menjadi pemangkin kepada usaha Negara dalam menambah baik sistem tadbir urus serta meningkatkan keyakinan pelabur.

iii) Datuk Bandar juga berkongsi mengenai program yang telah berlangsung pada bulan September dan juga program-program yang akan berlangsung pada bulan Oktober bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun MBSJ ke-5. Program-program tersebut adalah seperti berikut :

- Datuk Bandar mengucapkan terima kasih diatas penglibatan beberapa orang Ahli Majlis dan Pegawai yang menyertai Tomorrow City Shanghai 2025 pada 1 hingga 4 September 2025 yang lalu. PLANMalaysia, menerusi Pusat Perancangan Bandar Pintar (PLAN-BP) telah menjemput Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) untuk menyertai Tomorrow City

Shanghai 2025. Program ini dianjurkan oleh Smart City Expo World Congress (SCEWC) dengan kerjasama Shanghai Municipal Data Bureau, Shanghai Foreign Affairs Office dan Shanghai Pudong New Area People's Government di Shanghai, China. Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) telah terlibat dalam *Slot Closed-Door Meeting* yang bertajuk Subang Jaya Smart Vibrant City, yang memaparkan perancangan dan inisiatif bandar pintar yang sedang dilaksanakan di Subang Jaya, serta usaha-usaha dalam mencapai matlamat pembangunan bandar pintar. MBSJ turut mengambil bahagian dalam Business Matching bersama Dahua Technology yang membentangkan berkenaan sistem CCTV Ai iaitu Dahua Intelligent Traffic Solution. Penyertaan dalam program Bandar Pintar ini diharapkan dapat membantu MBSJ bergerak ke hadapan untuk memacu pembangunan bandar yang lebih pintar dan inklusif, menuju ke arah Smart Nation 2040.

- Alhamdulillah, memasuki bulan Oktober, merupakan Sambutan Ulang Tahun Bandar Raya Subang Jaya yang Ke-5 iaitu pada 20 Oktober 2025. Acara kemuncak sambutan ini, iaitu Festival Subang Jaya akan diadakan pada 26 Oktober 2025 (Sabtu) di Pusat Membeli-belah Subang Parade dan NU Empire. Pelbagai aktiviti menarik telah dirancang bagi memeriahkan sambutan Ulang Tahun MBSJ yang ke-5. Senarai program dan aktiviti yang telah dirancang adalah seperti berikut :

BIL	PROGRAM	TARIKH	MASA	LOKASI
1.	Selangor <i>Criterium Series</i>	5 Oktober 2025 (Ahad)	7.00 pagi	Perkarangan MBSJ, Subang Jaya
2.	Perhimpunan Bulanan (Oktober) Sempena Ulang Tahun Ke - 5 MBSJ	21 Oktober 2025 (Selasa)	8.00 pagi	Arena MBSJ, Subang Jaya
3.	Majlis Bacaan Yasin dan Doa Selamat Sempena Sambutan Ulang Tahun Bandaraya Kali Ke - 5 Tahun 2025	21 Oktober 2025 (Khamis)	6.30 petang	Masjid Al- Madaniah USJ 18/7 Subang Jaya
4.	Pertandingan Karom	25 Oktober 2025 (Sabtu)	8.00 pagi	Ibu pejabat MBSJ
5.	Festival Subang Jaya @ HTKSJ Bil. 4/2025 <ul style="list-style-type: none"> ▪ Acara Larian Santai 4.3 Km ▪ Senamrobik 	26 Oktober 2025 (Ahad)	7.30 pagi	Jalan Kemajuan Subang

BIL	PROGRAM	TARIKH	MASA	LOKASI
	▪ Eksplorasi Subang Jaya	26 Oktober 2025 (Ahad)	8.00 pagi	Pelepasan di Subang Parade
	<i>Pushbike Challenge</i>	26 Oktober 2025 (Ahad)	8.00 pagi	Ibu pejabat MBSJ
	Pertandingan <i>E-Sport</i> (FC 2025, MLBB)	26 Oktober 2025 (Ahad)	8.00 pagi	Subang Parade
	Simfoni Subang Jaya ➤ Pertandingan Koir MBSJ (Sekolah Menengah)	26 Oktober 2025 (Ahad)	8.00 pagi	NU Empire
	➤ Pertandingan Dart	26 Oktober 2025 (Ahad)	8.00 pagi	NU Empire
	➤ Pertandingan Bicara Berirama MBSJ (Sekolah Rendah)	26 Oktober 2025 (Ahad)	8.00 pagi	Subang Parade

BIL	PROGRAM	TARIKH	MASA	LOKASI
	➤ Pertandingan dan Piknik Kek Subang Jaya	26 Oktober 2025 (Ahad)	8.00 pagi	Subang Parade
	➤ Pertandingan Netball Shootout (5 On 5)	26 Oktober 2025 (Ahad)	8.00 pagi	Subang Parade
	➤ Pertandingan Mewarna	26 Oktober 2025 (Ahad)	8.00 pagi	Subang Parade
	➤ Pemeriksaan Kesihatan Percuma	26 Oktober 2025 (Ahad)	9.00 pagi	Subang Parade
	➤ Program Derma Darah	26 Oktober 2025 (Ahad)	9.00 pagi	Subang Parade
	➤ Program Sumbangan Pokok Hiasan dan Herba	26 Oktober 2025 (Ahad)	8.00 pagi	Subang Parade
	➤ <i>Eco Free Market (EFM)</i>	26 Oktober 2025 (Ahad)	9.00 pagi	Subang Parade
	➤ Busking	26 Oktober	8.00	Subang

BIL	PROGRAM	TARIKH	MASA	LOKASI
		2025 (Ahad)	pagi	Parade
	➤ Bazar Makanan	26 Oktober 2025 (Ahad)	8.00 pagi	Subang Parade

- Seterusnya Datuk Bandar mengucapkan tahniah kepada semua kontijen yang telah mewakili Majlis menyertai Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia (SUKANUN) 2025 yang telah berlangsung pada 7 hingga 13 September 2025 di Universiti Teknologi Mara, Seri Iskandar, Perak Darul Ridzuan. Majlis telah menghantar penyertaan sebanyak 9 acara sukan dengan jumlah atlet dan pengurusan adalah seramai 140 orang.

Acara sukan yang disertai adalah seperti yang berikut :

1. Bola Sepak 9 Sebelah
2. Basikal Kriterion Berpasukan
3. Bola Tampar Lelaki
4. Tenpin Boling Lelaki
5. Futsal lelaki
6. Sepak Takraw Antara Regu
7. Dart Berpasukan
8. Karom Berpasukan
9. Golf

Pencapaian Kontinjen dalam Karnival Sukan Badan Berkanun Malaysia (SUKANUN) 2025 adalah di tempat ketujuh daripada 58 agensi yang bertanding. Pencapaian pungutan pingat pula adalah sebanyak 2 pingat emas iaitu daripada sukan Karom Berpasukan dan Futsal Lelaki

iv) Majlis telah menghantar sebanyak empat penyertaan didalam MIP Planning Excellence Awards dan pencapaian MBSJ dalam MyPLACE Awards 2025 ialah seperti berikut:

➤ Tempat Kedua (Silver)

- Kategori Community and Neighbourhood Park (Subkategori: Public Park) – Promoting Woodball In Community Parks : A Neighbourhood Sports Initiative Local Government
- Pemenang: Jabatan Pembangunan Masyarakat MBSJ

➤ Tempat Ketiga (Bronze)

- Kategori Urban Farming – Hub Pendidikan Kebun Komuniti Strata
- Pemenang: Jabatan COB dan Jabatan Landskap MBSJ

v) Datuk Bandar juga memaklumkan mengenai pelaksanaan Kempen Imunisasi Tambahan *Measles* dan Rubella Kebangsaan telah dilancarkan bermula Ogos sehingga 12 Oktober 2025. Anak-anak kelahiran bermula 1 Ogos 2020 hingga 31 Januari 2025 boleh mendapatkan imunisasi ini. Ibu bapa boleh menghubungi fasiliti kesihatan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia bagi mendapatkan temujanji dan maklumat terperinci berhubung

program ini. Ibu bapa dan penjaga perlu mengambil peluang ini agar dapat membendung dan mengawal peningkatan penyakit ini dikalangan kanak-kanak.

- vi) Situasi semasa demam denggi di MBSJ sehingga minggu epid ke-38 Tahun 2025, telah mencatatkan sebanyak 2710 kes positif demam denggi. Angka ini menunjukkan penurunan sebanyak 59.66% jika dibandingkan dengan kumulatif kes pada minggu epid yang sama di Tahun 2024 iaitu sebanyak 6718 kes. Terdapat empat (9) Lokaliti Hotspot pada minggu Epid ke-38 ini. Kawalan dan pencegahan demam denggi terus dijalankan di kawasan yang dilaporkan kes demam denggi bagi membendung penularan kes demam denggi seperti:

- i. Pemeriksaan Tempat Pembiakan (PTP),
- ii. Semburan larvaciding, dan
- iii. Pengwasapan ('fogging').

Pendidikan kesedaran tentang demam denggi turut dijalankan di lokaliti-lokaliti berpotensi. Penduduk disarankan untuk membuat langkah-langkah pencegahan seperti kempen 10 minit gotong-royong memusnahkan lokasi potensi tempat pembiakan Aedes. Seterusnya, sekiranya terdapat simptom demam denggi, penduduk dinasihatkan untuk mendapatkan rawatan dengan kadar segera.

Senarai Lokaliti Hotspot Epid 38 seperti berikut :

1. Taman Pinggiran USJ 1
2. Taman Pinggiran USJ 2 (Sri Nipah)

3. Taman Subang Mas (Rumah Kedai)
4. Bandar Puchong Jaya Jalan Tempua
5. Bandar Puchong Jaya Jalan Tempua (Sri Mekar Appt)
6. Taman Kinrara Jalan TK 3 (Vista Lavender)
7. Taman Kinrara Jalan TK 5 (Koi Legian Kondo)
8. Kota Perdana (Jalan KP 2)
9. Taman Serdang Perdana (Perdana Selatan – South City Plaza)

4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 8/2025

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 8/2025 bertarikh 25 Ogos 2025 (Rabu) disahkan tanpa pindaan.

5.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 8/2025

Maklum balas Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 8/2025 bertarikh 25 Ogos 2025 (Rabu) disahkan tanpa pindaan.

6.0 PENGESAHAN KEPUTUSAN DAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA

6.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 16/2025 bertarikh 19 Ogos 2025

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 13/2025 bertarikh 3 September 2025

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 9/2025 bertarikh 8 September 2025

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 2.1 & m/s 1	Puan Lee Jen Uyin	Taklimat Rekabentuk Perpustakaan Puchong Indah oleh Perbadanan Perpustakaan Awam, Selangor	Puan Lee Jen Uyin memohon penjelasan mengenai status kelulusan bagi pembinaan perpustakaan ini.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>Maklum balas mesyuarat : Pihak Majlis telah memberi kelulusan kepada semua permohonan pemajuan Perpustakaan Komuniti di Taman Puchong Indah. Status terkini adalah pada peringkat untuk mengemukakan Notifikasi Borang B bagi memulakan kerja binaan.</p> <p style="text-align: right;">Makluman</p>
2.	Para 6.4 & m/s 5	Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim	Laporan Program dan Perbelanjaan Peruntukan MPP Bulan Ogos 2025	Beliau memohon penetapan tarikh akhir untuk membuat penyerahan Laporan Program Perbelanjaan Peruntukan MPP. Memandangkan masih terdapat MPP yang belum menghantar laporan. Mohon kerjasama

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>Jabatan untuk mengeluarkan surat rasmi pemakluman tarikh akhir berhubung penyerahan laporan ini.</p> <p>Seterusnya, mohon lanjutan tempoh bagi tarikh penyerahan inden.</p> <p>Keputusan mesyuarat : Tarikh akhir bagi penyerahan laporan tersebut adalah pada awal bulan November 2025. Bagi tarikh akhir penyerahan inden, mesyuarat bersetuju melanjutkan sehingga 10 Oktober 2025.</p> <p>Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat, Jabatan Kejuruteraan dan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				Jabatan Perbendaharaan
3.	Para 8.4 & m/s 16	Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim	Cadangan Pertandingan Perarakan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) MBSJ Sempena Sambutan Ulang Tahun ke-5 Majlis Bandaraya Subang Jaya pada tahun 2025.	<p>Beliau memohon penjelasan mengenai status pelaksanaan perarakan ini yang dimaklumkan telah dibatalkan.</p> <p>Maklum balas mesyuarat : Setelah meneliti dan berbinang, mesyuarat telah memutuskan pembatalan pertandingan perarakan ini disebabkan oleh beberapa faktor yang berkaitan.</p> <p style="text-align: right;">Makluman</p>

6.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 9/2025 bertarikh 8 September 2025

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 5.2 & m/s 27	Puan Lee Jen Uyin	Kertas Cadangan Mewujudkan Pasukan Pantas Komuniti MBSJ	Puan Lee Jen Uyin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Pasukan PANTAS MBSJ diatas usaha dan inisiatif menubuhkan Pasukan PANTAS Komuniti. Makluman

6.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 7/2025 bertarikh 21 Julai 2025

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 7/2025 bertarikh 17 Julai 2025

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 10.4 & m/s 18	Puan Ng Seow Chen	Status Pemasangan Peranti 'Tracker' pada Kenderaan Bas Awam SKS	Memohon penjelasan mengenai status pemasangan peranti pada bas awam SKS. Maklum balas mesyuarat : Satu mesyuarat akan diadakan bersama-sama pihak syarikat bagi membincangkan isu-isu yang berbangkit.
2.	Hal-hal lain	Puan Lee Jen Uyin	Pemasangan <i>EV Charger</i>	Status Pemasangan <i>EV Charger</i> di kawasan MBSJ.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>Keputusan mesyuarat : Mesyuarat mencadangkan supaya MBSJ membina pusat <i>EV Charger</i> yang boleh digunakan oleh masyarakat setempat secara percuma. Selain itu dicadangkan juga pembinaan di beberapa kawasan Rehat dan Rawat (RnR) Lebuhraya Max, Elite dan KESAS yang melibatkan kawasan Majlis. Mesyuarat meminta supaya jabatan menyelaraskan tindakan ini dengan segera.</p> <p>Tindakan : Jabatan Perancangan Bandar</p>

6.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 9/2025 bertarikh 17 September 2025

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 9/2025 bertarikh 18 September 2025

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 7/2025 bertarikh 17 Julai 2025

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

7.0 UCAPAN PENANGGUHAN

Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Encik Tah Yap Keong, Ahli Majlis, MBSJ.

8.0 PENUTUP

Datuk Bandar mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 4.30 petang.

Tarikh Disediakan : 1 Oktober 2025

“KITASELANGOR MAJU BERSAMA”

“MALAYSIA MADANI”

“MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI”

Disediakan oleh;




(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), S.M.S, A.M.N

Timbalan Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

Disahkan oleh;



(DATO' AMIRUL AZIZAN BIN DATO' SRI ABD RAHIM), D.I.M.P

Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

LAMPIRAN

KEHADIRARAN :

1. YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd Rahim, D.I.M.P.- Pengerusi
Datuk Bandar
2. YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, S.M.S., A.M.N.- Setiausaha
Timbalan Datuk Bandar Mesyuarat
3. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.
Timbalan Setiausaha

AHLI MAJLIS

4. Puan Lee Jen Uyin - Ahli
Mesyuarat
5. Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim - "
6. Encik Thomas Low Yew Sin - "
7. Encik Mehanatan a/l Embamurthi - "
8. Encik Chia Yew Ken - "
9. Encik Thamilarusu a/l Sandayan - "
10. Puan Ng Seow Chen - "

- | | | | |
|-----|-----------------------------------|---|---|
| 11. | Encik Thong Kim Fatt | - | " |
| 12. | Encik Mohd Tarmizi bin Lazim | - | " |
| 13. | Encik Kamarul Hafiz bin Kamarudin | - | " |
| 14. | Tuan Ir. Balachandran Naicker | - | " |
| 15. | Encik Tey Han Cherk | - | " |
| 16. | Puan Suzanah Hanim Wong | - | " |
| 17. | Encik Tey Boon Kiat | - | " |
| 18. | Encik Pravin a/l Murali | - | " |
| 19. | Encik Tah Yap Keong | - | " |
| 20. | Encik Parithi Vaanan a/l Ramasamy | - | " |
| 21. | Encik Muhammad Fauzan bin Rosli | - | " |
| 22. | Encik Khairol Basri bin M. Arif | - | " |
| 23. | Encik Saidin bin Awang | - | " |
| 24. | Encik Nanthakumar a/l Poapalan | - | " |

25. Puan Sri Devi a/p Chenchiah - "

PEGAWAI MBSJ

26. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan

27. Puan Hajah Anita binti Abd Jalil, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Undang-Undang

28. Tuan Ir. Dr Hj. Mohd Ariffuddin bin Hj. Kamari
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan

29. Tuan TPr. Hazman bin Mohd Mahayudin
Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar

30. Tuan Hj. Affandi bin Hj. Jaafar
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan

31. Puan Hajah Sharifah Rohaida binti Abd Rahman, P.P.C., P.J.K.
Pengarah, Jabatan Hasil

32. Puan Ts. Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar

33. Puan Sarina binti Saad
Pengarah, Jabatan OSC

34. Puan Sr. Nornizam binti Mohd Jusoh
Pengarah, Jabatan COB
35. Cik Haslinda binti Mohd Rantam, A.I.S
Pengarah, Jabatan Bangunan
36. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Timbalan Pengarah, Jabatan Kesihatan
37. Puan Dr. Nurnawwar binti Arpaail
Timbalan Pengarah, Jabatan Kesihatan
38. Encik Azfarizal bin Abd Rashid
Timbalan Pengarah Korporat dan Pengurusan Strategik
(Wakil Pengarah Korporat dan Pengurusan Strategik)
39. Tuan Sr. Mohd Faudzi bin Nazaruddin
Timbalan Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
(Wakil Pengarah Penilaian dan Pengurusan Harta)
40. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Landskap
41. Encik Mohd Fadil bin Alos
Penolong Pengarah Kanan, Unit Audit Dalam

42. Puan Rosmawati binti Zainuddin
Penolong Pengarah Kanan Pelesenan
(Wakil Pengarah Pelesenan)

43. Encik Sr Mohd Nor Affandi bin Isa
Jurukur Bahan
(Wakil Pengarah Kontrak dan Ukur Bahan)

44. Puan Nurfadzliana binti Ahmad Fadzli
Penolong Pengarah Teknologi Maklumat
(Wakil Pengarah Teknologi Maklumat)

45. Encik Mohd Herman bin Musanip
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Unit Integriti

URUS SETIA

44. Puan Juliana binti Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan

45. Encik Muhammad Zulfikar bin Jalaltheen
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

1. Encik M. Anbarasan a/l Murugesu - Ahli Majlis

2. Encik Mohd Fauzan bin - "

3. Puan Sarawati binti Mukhtar - "
4. Encik Parithi Vanaan a/l Ramasamy - "
5. Encik Thong Kim Fatt - "
6. Puan Sr. Aida binti Omar, A.M.S., MRISM
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
7. Puan Nik Zalina binti Megat Muda, CeO
Pengarah, Jabatan Pelesenan
8. Encik Muhammad Azli bin Miswan, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
9. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
10. Tuan Sr. Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan

